

BAB TIGA

METODOLOGI

3.1 PENDAHULUAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat salah tulis dan salah guna perkataan Cina yang dilakukan oleh pelajar Tingkatan Satu dalam penulisan karangan mereka. Bahagian ini akan memaparkan penentuan dan pemilihan tempat kajian, sampel kajian, cara pengumpulan data dan prosedur kajian.

3.2 PEMILIHAN TEMPAT KAJIAN

Mengikut Jorgensen (1989) dan Spradley(1980), memilih tempat kajian adalah penting bagi kejayaan sesebuah kajian. Mengikut mereka, pemilihan tempat kajian amat bergantung kepada empat perkara ini: sifat tujuan kajian, *simplicity* tempat, kemasukan dan kebenaran, kemudahan, peluang dan saiz sekolah. Dalam kajian ini, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Katholik di Petaling Jaya telah dipilih sebagai tempat kajian. Pemilihan sekolah ini sebagai tempat kajian adalah berdasarkan sebab-sebab berikut:

- i. SMJK Katholik merupakan satu-satunya sekolah menengah di Petaling Jaya yang menawarkan pengajaran mata pelajaran Bahasa

Cina dalam jadual waktu rasmi sekolah. Keadaan ini membolehkan pengkaji mendapat sampel kajian dengan lebih mudah.

- ii. Saiz sekolah dan bilangan pelajar yang banyak membolehkan pengumpulan skrip karangan yang mencukupi untuk dibuat analisis. Jumlah pelajar Tingkatan Satu pada hujung bulan Disember 1997 di sekolah ini ialah 559 orang dan daripada jumlah ini, terdapat 511 orang pelajar datang dari SRJK(C). Semua pelajar ini diwajibkan untuk mengambil mata pelajaran Bahasa Cina.

3.3 PEMILIHAN SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian ini terdiri daripada 40 orang pelajar Tingkatan Satu dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Katholik di Petaling Jaya. Pemilihan pelajar Tingkatan Satu sebagai sampel kajian adalah kerana kebanyakan mereka merupakan pelajar yang baru memasuki sekolah menengah dan pengkaji berminat untuk mengetahui penguasaan mereka dari segi penulisan perkataan dan penggunaan perkataan selepas menyempurnakan pendidikan enam tahun di sekolah rendah.

Sampel kajian dipilih secara rawak daripada empat buah kelas yang terdiri daripada kelas dalam kumpulan baik, sederhana dan lemah. Kelas-kelas tersebut ialah sebuah kelas dari kumpulan baik, dua buah kelas dari kumpulan sederhana dan sebuah lagi dari

kumpulan lemah. Pengkaji membuat pemilihan dua kelas sederhana kerana lazimnya pelajar yang tergolong dalam kumpulan pencapaian sederhana adalah paling banyak. Pemilihan sampel daripada pelbagai pencapaian pula dibuat agar dapatan kajian yang akan diperoleh nanti akan dapat menggambarkan pencapaian sebenar pelajar Tingkatan Satu dalam bidang yang dikaji.

Sebanyak 10 orang pelajar dari setiap kelas dipilih sebagai sampel kajian. Hanya 10 orang pelajar sahaja diambil dari setiap kelas adalah kerana jumlah ini memadai untuk dijadikan sampel kajian sebuah kertas projek. Sampel kajian ini dipilih secara rawak tanpa mengambil kira pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Cina ataupun pencapaian dalam penulisan karangan.

3.4 CARA PENGUMPULAN DATA

Kajian ini menggunakan dua cara untuk mendapatkan data-data yang diperlukan, iaitu karangan pelajar dan temubual dengan pelajar dan guru. Karangan digunakan untuk mendapatkan data-data tentang jenis-jenis salah tulis dan salah guna perkataan yang dilakukan oleh pelajar. Temubual yang diadakan dengan guru dan pelajar pula bertujuan untuk memperoleh maklumat tentang faktor-faktor yang menyebabkan pelajar melakukan salah tulis dan salah guna perkataan.

3.4.1 Karangan Pelajar

Seperti mana yang dikatakan, sampel kajian adalah dipilih secara rawak, dan kebetulan terdapat beberapa buah buku karangan hanya terdapat empat buah karangan di dalamnya. Sehubungan itu, pengkaji hanya dapat menggunakan empat buah karangan daripada setiap sampel untuk membuat analisis. Purata panjang setiap karangan ialah kira-kira 200 patah perkataan. Pelbagai jenis karangan ditulis oleh pelajar, termasuk karangan jenis naratif, fakta, karangan bergambar, karangan jenis cereka dan surat kiriman. Karangan-karangan tersebut adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 1:-

Jadual 1 : Tajuk dan Bilangan Karangan yang Diambil untuk Penganalisisan

No.	Tajuk	Bilangan
i.	Kalau saya seorang guru.	20
ii.	Kebakaran (karangan bergambar).	20
iii.	Tulis sepucuk surat kepada kawan anda yang tinggal di luar negera dan memberitahunya bagaimana anda meraikan Hari Ibu dan menyatakan pandangan anda tentang Hari Ibu.	20
iv.	Tulis sepucuk surat kepada kawan anda yang asyik menonton rancangan televisyen sehingga terjejas pelajarannya. Anda dikehendaki menasihatinya supaya membuangkan tabiat tersebut.	20
v.	Kebaikan membaca surat khabar.	10
vi	Cara menyalin hubungan yang baik dengan jiran.	10
vii.	Pada waktu terakhir semalam, Cikgu Tan tidak datang kerana sakit. Tuan Pengetua menyuruh kami membuat kerja sendiri....	10
viii.	Apabila saya bangun, saya terkejut kerana jam saya menunjukkan 7.25 pagi. Saya akan terlewat...	10
ix.	Pagi ini, apabila saya sampai di sekolah, pintu besar sekolah sudah dikunci....	10
x.	Di dalam dewan peperiksaan, semua pelajar sedang menjawab soalan dengan bersungguh-sungguh. Cuaca yang panas menyebabkan saya tidak dapat menumpukan perhatian, tiba-tiba saya ternampak kawan sebelah saya mengeluarkan....	10
xi.	Kenangan enam tahun di sekolah rendah.	10
xii.	Jiran baik saya.	8
xiii.	Satu kenangan yang tidak dapat saya lupakan.	2
<hr/>		
Jumlah		160

Jenis karangan dan tajuk karangan adalah berbeza bagi setiap kelas kerana bergantung kepada kemahiran atau kebolehan pelajar dalam penulisan karangan. Bilangan karangan tidak sama bagi setiap tajuk kerana ada kalanya guru menyediakan beberapa tajuk untuk pelajar membuat pilihan.

3.4.2 Temubual dengan Guru


Setelah menganalisis karangan pelajar dan telah mengenal pasti jenis-jenis salah tulis dan salah guna perkataan yang dilakukan oleh sampel kajian, temubual dengan empat orang guru mata pelajaran dijalankan untuk mendapatkan maklumat tentang sebab-sebab pelajar melakukan kesalahan tersebut.

3.4.3 Temubual dengan Pelajar

Selain menemubual guru mata pelajaran Bahasa Cina berkenaan, temubual dengan 10 orang sampel kajian yang dipilih juga dijalankan untuk memperoleh maklumat tentang sebab-sebab mereka melakukan salah tulis dan salah guna perkataan.

3.5 PROSEDUR KAJIAN

Setelah memperoleh kebenaran daripada pihak-pihak berkenaan, iaitu Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Selangor dan sekolah, pengkaji menemui guru-guru yang mengajar kelas Tingkatan Satu untuk menentukan sampel yang dijadikan kajian. Setelah pemilihan sampel kajian dibuat, karangan sampel kajian dikumpul untuk dianalisis. Temubual dengan empat orang guru dan 10 orang sampel kajian terpilih diadakan untuk mendapatkan maklumat tentang faktor-faktor yang menyebabkan pelajar melakukan kesalahan tersebut setelah penganalisisan karangan dilakukan. Temubual diadakan berdasarkan skedul soalan temubual yang disediakan. Prosedur terakhir ialah memaparkan dapatan kajian. Secara ringkas, prosedur kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji dapat diperhatikan dalam Rajah 2 berikut:



Rajah 2: Carta Aliran Prosedur Kajian